

Penguat kuasa terus dicabar selepas 4 kereta kastam jadi sasaran

## 3 kereta milik JPJ pula dibakar

Oleh **ASLIZA MUSA**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA KANGSAR 6 FEB.**

**A**GENSI penguat kuasa kita terus dicabar! Tidak sampai dua minggu, empat kereta milik pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dibakar di Putrajaya, kali ini Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula menjadi sasaran.

Kejadian terbaharu dianggap lebih biadab dan membuktikan sikap penjenayah yang semakin berani mencabar agensi penguat kuasa. Ia berikutan kali ini 'serangan' dilakukan di Stesen Penguatkuasaan JPJ Kuala Kangsar.

Akibat perbuatan tersebut tiga kenderaan milik jabatan tersebut dan dua buah kereta Volvo milik orang awam yang disita musnah terbakar, disyaki berpunca daripada perasaan tidak puas hati dengan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Ahmad Termizi Abd. Haq berkata, kereta JPJ yang ter-

bakar itu ialah dua buah Toyota Fortuner dan sebuah Ford Ranger.

Apa yang membimbangkan melalui kenyataan Ahmad Termizi, ia membuktikan keberanian pihak tertentu mencabar pihak berkuasa dengan memasuki kawasan larangan apabila hasil siasatan mendapati kejadian dipercayai berpunca daripada perbuatan khianat

"Ini kerana terdapat kesan pagar dipotong di bahagian tepi jalan kawasan berkenaan. Motif masih dalam siasatan, namun ada kemungkinan kejadian dilakukan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak berpuas hati dengan tindakan penguatkuasaan oleh JPJ.

"Setakat ini kita masih mengesan jumlah suspek yang terlibat dan percaya perbuatan itu dilakukan lebih daripada seorang individu," katanya dalam sidang akhbar di lokasi kejadian di sini hari ini.

Ahmad Termizi memberitahu, tiada tangkapan dilakukan setakat ini dan pihak JPJ juga tidak menerima sebarang ugutan, namun siasatan akan dilakukan secara

mendalam termasuk terhadap mereka yang tidak berpuas hati dengan jabatan berkenaan.

"Siasatan dibuat mengikut Seksyen 436 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat menggunakan api," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, Sayani Saidon berkata, 16 anggota bersama dua jentera serta sebuah kenderaan Unit Kecemasan Perkhidmatan Penyelamat Perubatan (EMRS) dari Balat Bomba dan Penyelamat Kuala Kangsar dihantar ke lokasi selepas menerima panggilan kecemasan pada pukul 2.30 pagi.

Jelasnya, kebakaran dapat dikawal dalam tempoh 10 minit dan pihaknya mendapati tiga buah kenderaan JPJ musnah dengan satu daripadanya 90 peratus terbakar, manakala dua lagi terbakar 70 peratus.

"Menurut saksi kejadian iaitu pengawal keselamatan di sini, dia cuba mengawal kebakaran itu, namun berlaku letupan kecil sehingga dia terpaksa menghubungi bomba untuk bantuan. Kebakaran itu bermula daripada kereta Toyota Fortuner yang diletakkan di tengah-tengah kenderaan yang terlibat," katanya.

### KES KERETA PENGUAT KUASA DIBAKAR

**11 JAN. 2013** Sebuah kenderaan penguat kuasa JPJ diterbalikkan dan dibakar oleh orang ramai yang marah selepas kemalangan teruk membabitkan 10 kenderaan di Ayer Tawar, Perak.

**22 OKT. 2014** Kereta milik pegawai kanan JKDM yang bertugas di bahagian import eksport di Bukit Kayu Hitam, rentung akibat dilempar bom api di rumahnya di Taman Bukit Indah, Kubang Pasu, Kedah.

**28 NOV. 2014** Sebuah kereta Mercedes-Benz milik Pengarah Undang-Undang Majlis Perbandaran Klang yang diletakkan di parkir bangunan MPK, rentung dipercayai berpunca daripada perbuatan khianat.

**21 MEI 2017** Kereta seorang anggota polis yang diletakkan di sebuah rumah kosong hangus dipercayai akibat dibakar dalam satu insiden di Ipoh, Perak.

**23 JAN. 2018** Empat kereta terbakar di pekarangan rumah seorang pegawai kanan JKDM di Presint 11, Putrajaya.

**6 FEB. 2018** Lima kenderaan termasuk tiga kenderaan JPJ dibakar di kawasan parkir Stesen Penguatkuasaan JPJ Timbang Lori di Kuala Kangsar, Perak.



**AHMAD TERMIZI**



**KENDERAAN JPJ dan orang awam musnah terbakar dalam kejadian di Stesen Penguatkuasaan JPJ Kuala Kangsar, Perak, semalam.**